

KERAJAAN MALAYSIA

**ARAHAN NO.1, 2018
JENTERA PENYELARASAN PELAKSANAAN**

**JABATAN PERDANA MENTERI
MALAYSIA
31 OKTOBER 2018**

ARAHAN NO.1, 2018
JENTERA PENYELARASAN PELAKSANAAN

1. TUJUAN

- 1.1 Arahan ini dikeluarkan untuk mewujudkan jentera penyelarasan pelaksanaan yang bertujuan memastikan pelaksanaan dasar, program/projek Kerajaan khususnya di bawah Rancangan Malaysia Lima Tahun (RMLT) dan inisiatif-inisiatif semasa Kerajaan dapat diselaraskan dan dipantau secara efisien dan holistik.
- 1.2 Arahan ini memperuntukkan fungsi jentera serta mekanisme perancangan, pelaksanaan dan penilaian program/projek Kerajaan di peringkat Persekutuan, Negeri dan Daerah. Ini adalah bertujuan supaya jentera penyelarasan pelaksanaan dasar dan program/projek Kerajaan dapat digerakkan dengan lebih terancang demi kesejahteraan rakyat dan negara.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Arahan No.1 yang pertama dikeluarkan pada tahun 1971 bagi menyelaraskan dan mengawasi pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) di samping membanteras ancaman komunis. Arahan ini telah dipinda sebanyak 5 kali dan digantikan dengan Arahan No.1, 1991, Arahan No.1, 1996, Arahan No.1, 2001, Arahan No.1, 2004 dan Arahan No.1, 2010 bagi menyesuaikan kerangka jentera penyelarasan dengan senario pembangunan semasa.
- 2.2 Persaingan di peringkat antarabangsa kesan daripada proses globalisasi, ledakan teknologi maklumat, kadar pertumbuhan ekonomi dunia, keperluan serta kehendak rakyat yang semakin kompleks memerlukan sistem penyampaian Kerajaan yang pantas, cekap dan berkualiti berasaskan tadbir urus yang baik.
- 2.3 Strategi utama yang akan dilaksanakan melalui Arahan No.1, 2018 Jentera Penyelarasan Pelaksanaan bagi menangani cabaran yang dihadapi negara adalah seperti berikut:
 - 2.3.1 memastikan pengurusan ekonomi makro yang mantap melalui dasar kewangan dan fiskal yang berhemat serta peningkatan usaha-usaha ke arah pembangunan ekonomi berasaskan pengetahuan;

- 2.3.2 memperkukuh dan menyelaraskan program bagi memastikan penyertaan yang seimbang di kalangan kumpulan etnik, kumpulan pendapatan serta wilayah;
- 2.3.3 meningkatkan pertumbuhan produktiviti melalui pemantapan pengetahuan, kepakaran pekerja serta pengukuhan penyelidikan dan pembangunan dalam bidang sains inovasi dan teknologi;
- 2.3.4 meningkatkan daya saing dan daya tahan ekonomi dengan mempercepatkan peralihan sektor ekonomi utama kepada proses pengeluaran yang lebih cekap dan aktiviti nilai tambah yang lebih tinggi;
- 2.3.5 memperluaskan penggunaan ICT dalam semua sektor ekonomi bagi mempercepatkan proses pertumbuhan;
- 2.3.6 memperkukuhkan pembangunan sumber manusia dan modal insan bagi memastikan bekalan tenaga manusia mempunyai pengetahuan, kemahiran teknikal dan kemahiran berfikir yang tinggi;
- 2.3.7 melaksanakan pendekatan komprehensif dan bersepadu dalam menangani isu-isu sumber asli dan alam sekitar bagi mengekalkan pembangunan yang mampan;
- 2.3.8 meningkatkan kualiti hidup melalui peningkatan akses kepada perkhidmatan sosial serta pembangunan aspek estetik dalam kehidupan; dan
- 2.3.9 mempergiatkan usaha bagi memupuk nilai-nilai positif serta murni di kalangan rakyat melalui sistem pendidikan, pertubuhan sosial dan agama serta media.

3. JENTERA PENYELARASAN PELAKSANAAN

3.1 Jentera penyelarasan pelaksanaan di bawah RMLT adalah seperti berikut:

PERINGKAT PERSEKUTUAN

3.1.1 Majlis Tindakan Negara (MTN)

MTN merupakan badan tertinggi yang memutuskan dasar dan strategi pelaksanaan program/projek pembangunan negara.

3.1.2 Jawatankuasa Kerja Tindakan Negara (JKTN)

JKTN ditubuhkan bagi memastikan semua keputusan MTN dilaksanakan sepenuhnya. JKTN ini juga berperanan menangani isu serta masalah pelaksanaan program/projek pembangunan. Di samping itu, JKTN turut berperanan memperakukan

cadangan dasar dan strategi pelaksanaan untuk pertimbangan MTN.

3.1.3 Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Kementerian (JTPK)

JTPK ditubuhkan bagi memastikan semua keputusan MTN dan JKTN dilaksanakan sepenuhnya di peringkat kementerian. JTPK turut berperanan menangani isu serta masalah pelaksanaan program/projek pembangunan yang telah diluluskan di bawah kementerian. Selain itu, JTPK juga boleh memperakukan cadangan dasar serta strategi pelaksanaan untuk pertimbangan JKTN.

PERINGKAT NEGERI

3.1.4 Majlis Tindakan Negeri (MTNg) / Majlis Tindakan Wilayah Persekutuan (MTWP)

MTNg/MTWP diwujudkan bagi memastikan semua keputusan MTN dan JKTN dilaksanakan sepenuhnya di peringkat negeri / Wilayah Persekutuan. MTNg/MTWP juga berperanan menangani isu serta masalah pelaksanaan program/projek pembangunan di peringkat negeri / Wilayah Persekutuan. MTNg/MTWP boleh memperakukan cadangan dasar dan strategi pelaksanaan untuk pertimbangan JKTN dan MTN.

3.1.5 Jawatankuasa Kerja Tindakan Negeri (JKTNg) / Jawatankuasa Tindakan Wilayah Persekutuan (JTWP)

JKTNg/JTWP ditubuhkan bagi memastikan semua keputusan MTNg/MTWP dilaksanakan sepenuhnya di peringkat negeri / Wilayah Persekutuan. JKTNg/JTWP juga berperanan menangani isu serta masalah pelaksanaan program/projek pembangunan di peringkat negeri / Wilayah Persekutuan. JKTNg/JTWP boleh memperakukan cadangan dasar dan strategi pelaksanaan untuk pertimbangan MTNg/MTWP.

PERINGKAT DAERAH / BAHAGIAN

3.1.6 Jawatankuasa Kerja Tindakan Daerah (JKTD) / Jawatankuasa Kerja Tindakan Bahagian (JKTB)

JKTD/JKTB ditubuhkan bagi memastikan semua keputusan MTNg dan JKTNg dilaksanakan sepenuhnya di peringkat daerah/bahagian. JKTD/JKTB juga berperanan menangani isu serta masalah pelaksanaan program/projek pembangunan yang dilaksanakan di peringkat daerah/bahagian. Di samping itu,

JKTD/JKTB boleh memperakukan cadangan dasar dan strategi pelaksanaan untuk pertimbangan JKTNg dan MTNg.

3.2 Instrumen Pemantauan

- 3.2.1 Jentera penyelarasan pelaksanaan di bawah Arahan ini akan menggunakan instrumen pemantauan Sistem Pemantauan Projek II (SPPII), Bank Data Kemiskinan Nasional (eKasih) dan lain-lain sistem yang akan dibangunkan dari semasa ke semasa.
- 3.2.2 Objektif utama SPPII adalah untuk membantu kementerian/agensi melaksana dan memantau program/projek pembangunan di bawah RMLT dengan menggunakan teknologi maklumat sebagai pemudah cara dalam pemantauan projek.
- 3.2.3 Penyediaan laporan untuk dibentangkan kepada Majlis/Jawatankuasa hendaklah berdasarkan data serta maklumat yang terdapat dalam SPPII. Bagi memastikan integriti maklumat, setiap kementerian hendaklah bertanggungjawab mengemas kini maklumat dalam SPPII secara konsisten.
- 3.2.4 Sistem eKasih menyimpan maklumat mengenai kemiskinan bermula dari profil individu sehinggalah kepada keberkesanan program-program bantuan yang diberikan. Objektif utama eKasih adalah seperti berikut:
 - a) mewujudkan satu pangkalan data bersepadu yang menjadi asas perancangan program kemiskinan di peringkat persekutuan dan negeri;
 - b) mengelakkan pertindihan program/bantuan yang dilaksanakan agensi pemberi bantuan;
 - c) mewujudkan satu repositori maklumat mengenai program/projek kemiskinan yang telah dilaksanakan sebagai rujukan; dan
 - d) membantu analisis maklumat dan pemetaan kemiskinan.
- 3.2.5 Bagi memastikan bantuan diberikan kepada kumpulan sasar, kementerian/agensi pemberi bantuan hendaklah memberi keutamaan kepada isi rumah eKasih di dalam pemilihan peserta program pembasmian kemiskinan oleh kementerian/agensi masing-masing. Kementerian/agensi juga bertanggungjawab untuk mengemas kini maklumat bantuan di dalam sistem eKasih secara konsisten.

4. PELANTIKAN AHLI-AHLI MAJLIS/JAWATANKUASA

- 4.1 Pengerusi boleh menjemput wakil dari sektor swasta dan pertubuhan sukarela bagi mewakili kepentingan-kepentingan tertentu untuk hadir dalam Majlis/Jawatankuasa dari semasa ke semasa dengan syarat perkara-perkara kerahsiaan Kerajaan tetap terjamin.
- 4.2 Sekiranya jawatan ahli Majlis/Jawatankuasa tidak wujud di negeri/daerah atau diberi gelaran lain, urus setia boleh memperakukan kepada Pengerusi supaya pelantikan berkenaan dibuat atas nama Ketua Jabatan/Agensi yang bertanggungjawab. (Contohnya: Pengarah Tanah dan Ukur di Sabah dan Sarawak serta jawatan Pengarah Tanah dan Galian di Negeri-negeri di Semenanjung).
- 4.3 Kehadiran ahli dalam mesyuarat Majlis/Jawatankuasa adalah atas nama jawatan. Sekiranya ahli tidak dapat hadir, kehadiran boleh diwakilkan kepada timbalan sahaja.

5. PERUBAHAN KEPADA NAMA, PENERUSI, KEANGGOTAAN, FUNGSI MAJLIS DAN JAWATANKUASA

- 5.1 YAB Perdana Menteri boleh membatalkan atau meminda keanggotaan dan fungsi mana-mana Majlis dan Jawatankuasa.

6. FUNGSI UNIT PENYELARASAN PELAKSANAAN, JABATAN PERDANA MENTERI (ICU JPM) SEBAGAI URUS SETIA MAJLIS TINDAKAN NEGARA

- 6.1 Tatacara kerja dan hubungan kementerian/jabatan/agensi dengan ICU JPM adalah seperti di **Lampiran A**.

7. LIPUTAN ARAHAN

- 7.1 Arahan ini berkuat kuasa bagi semua peringkat persekutuan, negeri dan daerah/bahagian mulai dari tarikh ianya dikeluarkan.

8. PENUTUP

- 8.1 Dengan berkuatkuasanya Arahan ini, maka **Arahan No.1, 2010 Majlis Tindakan Negara beserta pindaannya** adalah **dibatalkan**.
- 8.2 Pindaan-pindaan Arahan ini sekiranya perlu akan dikeluarkan dari semasa ke semasa.
- 8.3 Segala pertanyaan mengenai pelaksanaan Arahan ini hendaklah dikemukakan kepada:

Sekretariat Hal Ehwal Khas,
Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU JPM),
Jabatan Perdana Menteri,
Aras 2, Blok Timur, Bangunan Perdana Putra,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62502 PUTRAJAYA

No. Telefon : 03-8872 6535 / 3965 / 6534

No. Faks : 03-8888 3571

Emel : sekretariat@icu.gov.my




DR MAHATHIR BIN MOHAMAD
PERDANA MENTERI MALAYSIA
PUTRAJAYA

Tarikh : 31 Oktober 2018

GARIS PANDUAN PELAKSANAAN ARAHAN NO.1, 2018 JENTERA PENYELARASAN PELAKSANAAN

1. PENDAHULUAN

1.1 Selaras dengan ketetapan Arahan No.1, 2018 Jentera Penyelarasan Pelaksanaan perlu ditubuhkan di semua peringkat persekutuan, negeri dan daerah/bahagian. Hubungan dan aliran maklumat antara jentera berkenaan adalah seperti mana berikut:



Rajah 1: Hubungan Aliran Maklumat di Bawah Arahan No.1, 2018 Jentera Penyelarasan Pelaksanaan

2. JENTERA PENYELARASAN PELAKSANAAN PERINGKAT PERSEKUTUAN

2.1 MAJLIS TINDAKAN NEGARA (MTN)

2.1.1 Keahlian MTN

Pengerusi:	Perdana Menteri
Ahli-ahli:	Timbalan Perdana Menteri Menteri Dalam Negeri Menteri Kewangan Menteri Pendidikan Menteri Pembangunan Luar Bandar Menteri Hal Ehwal Ekonomi Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Menteri Komunikasi dan Multimedia Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani Menteri Kesihatan Menteri Kerja Raya Ketua Setiausaha Negara
Ahli Jemputan:	Menteri / Menteri Besar / Ketua Menteri serta mana-mana individu yang dijemput berasaskan isu yang dibincangkan.
Setiausaha:	Ketua Pengarah ICU JPM
Urus Setia:	ICU JPM

2.1.2 Fungsi MTN

- (a) Menetapkan dasar dan strategi pelaksanaan pembangunan yang komprehensif selaras dengan RMLT.
- (b) Memastikan pelaksanaan dasar-dasar Kerajaan.
- (c) Menilai strategi pelaksanaan program/projek Kerajaan.

2.1.3 Kekerapan Mesyuarat

MTN hendaklah bermesyuarat setiap suku tahun atau seperti yang ditetapkan oleh Pengerusi.

2.2 JAWATANKUASA KERJA TINDAKAN NEGARA (JKTN)

2.2.1 Keahlian JKTN

Pengerusi:	Ketua Setiausaha Negara
Ahli-ahli:	Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Ketua Setiausaha Perbendaharaan Ketua Pengarah ICU JPM Ketua Setiausaha Kementerian Hal Ehwal Ekonomi Ketua Pengarah Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia, Jabatan Perdana Menteri Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan Ketua Pengarah Kerja Raya Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan Ketua Pengarah Pengairan dan Saliran
Ahli Jemputan:	Ketua Jabatan / Agensi Kerajaan serta mana-mana individu yang dijemput berasaskan isu yang dibincangkan.
Urus Setia:	ICU JPM

2.2.2 Fungsi JKTN

- (a) Memastikan setiap keputusan MTN dilaksanakan dengan sempurna dan berkesan.
- (b) Memastikan pelaksanaan program/projek pembangunan Kerajaan adalah selaras dengan dasar-dasar Kerajaan.
- (c) Memastikan aktiviti-aktiviti Badan-badan Berkanun Persekutuan selaras dengan objektif penubuhannya.
- (d) Mengenal pasti dan menyelesaikan isu-isu pentadbiran kontrak serta pengurusan program/projek pembangunan Kerajaan.
- (e) Menilai sistem dan prosedur sedia ada dari segi perancangan, pelaksanaan dan penilaian program/projek pembangunan.
- (f) Memastikan institusi-institusi Kerajaan dan program/projek yang diswastakan secara terpilih berjalan selaras dengan dasar-dasar Kerajaan.

- (g) Memantau serta menilai dasar-dasar, program/projek Kerajaan untuk mencapai matlamat menyejahterakan rakyat termasuk pemerksaan Bumiputera dan isu-isu kemiskinan di peringkat nasional.
- (h) Memperakukan dasar dan strategi pembangunan kepada MTN bagi mencapai aspirasi Kerajaan dan wawasan negara.

2.2.3 **Kekerapan Mesyuarat**

JKTN hendaklah bermesyuarat 2 bulan sekali atau seperti yang ditetapkan oleh Pengerusi.

2.3 **JAWATANKUASA TINDAKAN PEMBANGUNAN KEMENTERIAN (JTPK)**

2.3.1 **Keahlian JTPK**

Pengerusi:	Ketua Setiausaha Kementerian
Timbalan Pengerusi:	Dilantik oleh Pengerusi
Ahli-ahli:	Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Ketua Jabatan/Agensi di bawah Kementerian Wakil Kementerian Kewangan Wakil ICU JPM Wakil Kementerian Hal Ehwal Ekonomi Wakil Jabatan Kerja Raya
Ahli Jemputan:	Ketua Jabatan / Agensi Kerajaan termasuk Badan-badan Berkanun di bawah kementerian serta mana-mana individu yang dijemput berasaskan isu yang dibincangkan.
Urus Setia:	Bahagian Pembangunan Kementerian

2.3.2 **Fungsi JTPK**

- (a) Memastikan semua arahan dan keputusan MTN dan JKTN dilaksanakan dengan berkesan.
- (b) Menyelaras perancangan, pelaksanaan serta penilaian semua program/projek pembangunan di bawah kementerian.

- (c) Memastikan setiap perancangan program/projek mengambil kira aspirasi Kerajaan dan faktor-faktor utama seperti kewangan dan sumber manusia.
- (d) Memantau dan menilai impak pelaksanaan program/projek pembangunan kementerian ke atas dasar-dasar Kerajaan seperti alam sekitar, pembangunan sosial, budaya dan pembangunan modal insan.
- (e) Memantau dan menilai prestasi Badan-badan Berkanun di bawah kementerian selaras dengan peraturan semasa yang berkuat kuasa.
- (f) Memantau dan menilai pelaksanaan dasar program/projek berkaitan pemeraksanaan Bumiputera dan isu-isu kemiskinan di peringkat kementerian.

2.3.4 Keperluan Mesyuarat

JTPK hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya sebulan sekali.

3. JENTERA PENYELARASAN PELAKSANAAN PERINGKAT NEGERI

3.1 MAJLIS TINDAKAN NEGERI (MTNg)

3.1.1 Keahlian MTNg

Pengerusi: Menteri Besar / Ketua Menteri / Menteri Kerajaan
Persekutuan yang dilantik oleh YAB Perdana Menteri

Timbalan Pengerusi: Ketua Pengarah ICU JPM atau individu yang
dilantik oleh Pengerusi

Ahli-ahli: Menteri-menteri Kabinet Negeri / Ahli-ahli Majlis
Mesyuarat Kerajaan Negeri yang dilantik oleh Pengerusi

Setiausaha Kerajaan Negeri

Setiausaha Persekutuan (Sabah dan Sarawak)

Pegawai Kewangan Negeri

Pegawai Kewangan Persekutuan (Sabah dan Sarawak)

Pengarah Unit Perancang Ekonomi Negeri /
Pengarah Unit Perancang Negeri (Sarawak)

Pengarah Tanah dan Galian Negeri /
Pengarah Tanah dan Ukur (Sabah) /
Pengarah Tanah dan Survei (Sarawak)

Pengarah Kerja Raya Negeri

Pengarah Pertanian Negeri

Pengarah Pengairan dan Saliran Negeri

Pengarah Perancang Bandar dan Desa Negeri

Pengarah Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian
Negeri

Ketua Polis Negeri

Pengarah Pendidikan Negeri

Pengarah Kesihatan Negeri

Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri

Pengarah Jabatan Agama Islam Negeri

	Pegawai Daerah / Residen (Sarawak)
	Datuk Bandar / Yang DiPertua Pihak Berkuasa Tempatan
	Pengarah Kementerian Pembangunan Luar Bandar Negeri
	Pengurus Besar Syarikat Utiliti
	Pengurus Besar atau Ketua Eksekutif Badan Berkanun (Persekutuan/Negeri)
Ahli Jemputan:	Ketua Jabatan / Agensi Kerajaan serta mana-mana individu yang dijemput berasaskan isu yang dibincangkan.
Setiausaha:	Pengarah Pembangunan Negeri
Urus Setia:	Pejabat Pembangunan Negeri (PPN)

3.1.2 Fungsi MTNg

- (a) Memastikan keputusan MTN dan JKTN dilaksanakan dengan sempurna dan berkesan.
- (b) Menentukan strategi pelaksanaan program/projek pembangunan di peringkat negeri menepati dasar-dasar Kerajaan.
- (c) Memantau dan menilai impak pelaksanaan program/projek pembangunan di peringkat negeri selaras dengan dasar-dasar Kerajaan berkaitan alam sekitar, pembangunan sosial, ekonomi, budaya, pembangunan modal insan, pembasmian kemiskinan dan pemeraksanaan Bumiputera.
- (d) Memantau pelaksanaan program/projek di bawah Badan-badan berkanun negeri selaras dengan objektif penubuhannya.
- (e) Menilai dan menimbang permohonan program/projek pembangunan yang diperakukan JKTNg.
- (f) Memastikan institusi-institusi Kerajaan dan program/projek yang diswastakan secara terpilih berjalan selaras dengan dasar-dasar Kerajaan.
- (g) Memperakukan dasar dan strategi pembangunan kepada JKTN dan MTN bagi mencapai matlamat dan wawasan negara.

3.1.3 Kekerapan Mesyuarat

MTNg hendaklah bermesyuarat setiap suku tahun atau seperti yang ditetapkan oleh Pengerusi.

3.2 JAWATANKUASA KERJA TINDAKAN NEGERI (JKTNg)

3.2.1 Keahlian JKTNg

Pengerusi:	Setiausaha Kerajaan Negeri
Timbalan Pengerusi:	Dilantik oleh Pengerusi
Ahli-ahli:	Setiausaha Persekutuan (Sabah dan Sarawak)
	Pegawai Kewangan Negeri
	Pegawai Kewangan Persekutuan (Sabah dan Sarawak)
	Pengarah Pembangunan Negeri
	Pengarah Unit Perancang Ekonomi Negeri / Pengarah Unit Perancang Negeri (Sarawak)
	Pengarah Tanah dan Galian Negeri / Pengarah Tanah dan Ukur (Sabah) / Pengarah Tanah dan Survei (Sarawak)
	Pengarah Kerja Raya Negeri
	Pengarah Pertanian Negeri
	Pengarah Pengairan dan Saliran Negeri
	Pengarah Perancang Bandar dan Desa Negeri
	Pengarah Majlis Amanah Rakyat Negeri
	Pengarah Pendidikan Negeri
	Pengarah Kesihatan Negeri
	Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri
	Pengarah Jabatan Agama Islam Negeri
	Pegawai Daerah / Residen (Sarawak)
	Datuk Bandar / Yang DiPertua Pihak Berkuasa Tempatan

Pengarah Kementerian Pembangunan Luar Bandar Negeri

Pengurus Besar Syarikat Utiliti

Pengurus Besar atau Ketua Eksekutif Badan Berkanun (Persekutuan/Negeri)

Ahli Jemputan: Ketua Jabatan / Agensi Kerajaan serta mana-mana individu yang dijemput berasaskan isu yang dibincangkan.

Urus Setia: PPN

3.2.2 Fungsi JKTNg

- (a) Memastikan keputusan MTNg dilaksanakan dengan sempurna dan berkesan.
- (b) Menyelaras pelaksanaan semua program/projek pembangunan di peringkat negeri.
- (c) Memantau dan menilai impak pelaksanaan program/projek pembangunan di peringkat negeri selaras dengan dasar-dasar negara berkaitan alam sekitar, pembangunan sosial, ekonomi, budaya, pembangunan modal insan, pembasmian kemiskinan dan pemerksaan Bumiputera.
- (d) Memantau pelaksanaan program/projek Badan-badan Berkanun Persekutuan dan melaporkannya secara berkala kepada MTNg dan ICU JPM.
- (e) Memastikan institusi-institusi Kerajaan dan program/projek yang diswastakan secara terpilih berjalan selaras dengan dasar-dasar Kerajaan.
- (f) Menilai dan memperakukan sebarang cadangan, dasar dan strategi baharu berkaitan perancangan, pelaksanaan dan penilaian program/projek pembangunan untuk diangkat bagi pertimbangan MTNg.

3.2.3 Kekerapan Mesyuarat

JKTNg hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya sebulan sekali.

4. JENTERA PENYELARASAN PELAKSANAAN PERINGKAT WILAYAH PERSEKUTUAN

4.1 MAJLIS TINDAKAN WILAYAH PERSEKUTUAN (MTWP)

4.1.1 Keahlian MTWP

Pengerusi:	Menteri Wilayah Persekutuan
Ahli-ahli:	Ahli-ahli Parlimen Wilayah Persekutuan yang dilantik oleh Pengerusi
	Ketua Setiausaha Perbendaharaan atau wakil
	Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan atau wakil
	Ketua Setiausaha Kementerian Hal Ehwal Ekonomi atau wakil
	Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan atau wakil
	Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan atau wakil
	Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan atau wakil
	Ketua Pengarah Kerja Raya
	Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan
	Ketua Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran
	Ketua Pengarah Jabatan Perancang Bandar dan Desa
	Ketua Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat
	Datuk Bandar Kuala Lumpur
	Presiden Perbadanan Putrajaya
	Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan
	Ketua Polis Kuala Lumpur

Pengarah Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan

Pengurus Besar Syarikat Utiliti

Ahli Jemputan: Ketua Jabatan / Agensi Kerajaan serta mana-mana individu yang dijemput berasaskan isu yang dibincangkan.

Setiausaha: Pengarah Pembangunan Wilayah Persekutuan

Urus Setia: PPN Wilayah Persekutuan

4.1.2 Fungsi MTWP

- (a) Memastikan setiap keputusan MTN dan JKTN dilaksanakan dengan sempurna dan berkesan.
- (b) Memantau dan menilai pelaksanaan program/projek pembangunan di Wilayah Persekutuan dengan memberi penekanan kepada pencapaian nilai untuk wang dan *outcome* sesuatu program/projek agar menepati dasar-dasar negara.
- (c) Memantau dan menilai pelaksanaan dasar program/projek yang berkaitan dengan penyertaan Bumiputera dalam bidang ekonomi serta dasar yang menjurus kepada pertumbuhan dan pengagihan.
- (d) Menangani isu-isu pelaksanaan program/projek bagi mempercepatkan pelaksanaan.
- (e) Memantau pelaksanaan inisiatif-inisiatif kerajaan yang diumumkan dari semasa ke semasa.
- (f) Memastikan program/projek pembasmian kemiskinan di Wilayah Persekutuan dilaksanakan dengan lebih berkesan.
- (g) Mengawasi, menyelaras dan menilai dasar serta strategi pelaksanaan pembangunan di peringkat Wilayah Persekutuan adalah seimbang dan bersepadu.

4.1.3 Kekерapan Mesyuarat

MTWP hendaklah bermesyuarat setiap suku tahun atau seperti yang ditetapkan oleh Pengerusi.

4.2 JAWATANKUASA TINDAKAN WILAYAH PERSEKUTUAN (JTWP)

4.2.1 Keahlian JTWP

Pengerusi: Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan

Timbalan Pengerusi: Dilantik oleh Pengerusi

Ahli-ahli: Pengarah Pembangunan Wilayah Persekutuan

Setiausaha Bahagian Pembangunan, Kementerian Wilayah Persekutuan

Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan atau wakil

Datuk Bandar Dewan Bandaraya Kuala Lumpur atau wakil

Presiden Perbadanan Putrajaya atau wakil

Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan atau wakil

Pengarah Jabatan Kerja Raya Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur atau wakil

Pengarah Jabatan Kerja Raya Wilayah Persekutuan Putrajaya atau wakil

Pengarah Jabatan Kerja Raya Wilayah Persekutuan Labuan atau wakil

Pengarah Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur atau wakil

Pengarah Pendidikan Wilayah Persekutuan Putrajaya atau wakil

Pengarah Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan atau wakil

Pengarah Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya atau wakil

Pengarah Kesihatan Wilayah Persekutuan Labuan atau wakil

Pengarah Pengairan dan Saliran Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur atau wakil

Pengarah Pengairan dan Saliran Wilayah Persekutuan Putrajaya atau wakil

Pengarah Pengairan dan Saliran Wilayah Persekutuan
Labuan atau wakil

Pengarah Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan atau
wakil

Pengurus Besar Syarikat Utiliti

Ahli Jemputan: Ketua Jabatan / Agensi Kerajaan serta mana-mana
individu yang dijemput berasaskan isu yang dibincangkan.

Urus Setia: PPN Wilayah Persekutuan

4.2.2 Fungsi JTWP

- (a) Memastikan setiap keputusan MTWP dilaksanakan dengan sempurna dan berkesan.
- (b) Memastikan pelaksanaan program/projek pembangunan di Wilayah Persekutuan selaras dengan dasar-dasar Kerajaan.
- (c) Memantau pelaksanaan inisiatif-inisiatif Kerajaan yang diumumkan dari semasa ke semasa.
- (d) Memantau pelaksanaan projek-projek infrastruktur berkepentingan nasional yang dilaksanakan di Wilayah Persekutuan berjalan mengikut perancangan.
- (e) Mengesan dan menyelesaikan isu/masalah pelaksanaan program/projek di Wilayah Persekutuan bagi memastikan pelaksanaan program/projek mengikut perancangan.
- (f) Memastikan masalah pelaksanaan projek pembangunan yang mana tidak dapat diselesaikan di peringkat JTWP dikemukakan kepada MTWP.
- (g) Menilai *outcome* pelaksanaan program/projek pembangunan di Wilayah Persekutuan.
- (h) Menilai pelaksanaan dasar program/projek berkaitan pemerikasaan Bumiputera dan isu-isu kemiskinan di peringkat Wilayah Persekutuan.

4.2.3 Kekерapan Mesyuarat

JTWP hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya sebulan sekali.

5. JENTERA PENYELARASAN PELAKSANAAN PERINGKAT DAERAH/BAHAGIAN

5.1 JAWATANKUASA KERJA TINDAKAN DAERAH/BAHAGIAN (JKTD/JKTDB)

5.1.1 Keahlian JKTD

Pengerusi: Pengarah Pembangunan Negeri / Pegawai Daerah

Timbalan Pengerusi: Dilantik oleh Pengerusi

Ahli-ahli: Ahli-ahli Parlimen dan Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri

Pegawai Daerah (sekiranya mesyuarat dipengerusikan oleh Pengarah Pembangunan Negeri)

Jurutera Daerah, Jabatan Kerja Raya

Jurutera Daerah, Jabatan Pengairan dan Saliran

Pegawai Pertanian Daerah

Pegawai Kesihatan Daerah

Pegawai Majlis Amanah Rakyat Daerah

Pegawai Pendidikan Daerah

Yang DiPertua Pihak Berkuasa Tempatan

Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah

Pegawai Tadbir Agama Daerah

Pegawai Belia dan Sukan Daerah

Pengurus Besar atau Wakil Agensi Pembangunan Tanah/Wilayah (bagi daerah yang berkenaan sahaja)

Ahli Jemputan: Ketua Jabatan / Agensi Kerajaan serta mana-mana individu yang dijemput berasaskan isu yang dibincangkan.

Urus Setia: PPN / Pejabat Daerah

5.1.2 Keahlian JKTB

Pengerusi: Pengarah Pembangunan Negeri

Timbalan Pengerusi: Dilantik oleh Pengerusi

Ahli-ahli: Ahli-ahli Parlimen dan Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri

Residen Bahagian

Pegawai Daerah dalam Bahagian berkenaan

Jurutera Bahagian, Jabatan Kerja Raya

Jurutera Bahagian, Jabatan Pengairan dan Saliran

Yang DiPertua Pihak Berkuasa Tempatan

Pegawai Pertanian Bahagian

Pegawai Kesihatan Bahagian

Pegawai Pendidikan Bahagian

Pegawai Kebajikan Masyarakat Bahagian

Pegawai Belia dan Sukan Bahagian

Pengurus Besar atau Wakil Agensi Pembangunan Tanah/Wilayah (bagi Bahagian yang berkenaan sahaja)

Ahli Jemputan: Ketua Jabatan / Agensi Kerajaan serta mana-mana individu yang dijemput berasaskan isu yang dibincangkan.

Urus Setia: PPN

5.1.3 Fungsi JKTD/JKTB

- (a) Memantau dan menilai impak pelaksanaan program/projek pembangunan di peringkat daerah/bahagian selaras dengan dasar-dasar negara berkaitan alam sekitar, pembangunan sosial, ekonomi, budaya dan pembangunan modal insan.
- (b) Memantau projek-projek penswastaaan di dalam daerah/bahagian yang memberi kesan kepada sosioekonomi dan alam sekitar.
- (c) Memastikan kumpulan sasaran mendapat faedah maksimum daripada program/projek pembangunan yang dilaksanakan.
- (d) Menyelaraskan dan mengemukakan cadangan pelaksanaan program/projek kementerian/agensi berkaitan.

- (e) Memastikan masalah serta isu pelaksanaan program/projek pembangunan yang tidak dapat diselesaikan di peringkat daerah/bahagian dikemukakan kepada JKTNg.
- (f) Memantau dan menilai pelaksanaan dasar program/projek berkaitan Bumiputera dan isu-isu kemiskinan di peringkat daerah/bahagian.
- (g) Memperakukan dasar dan strategi pembangunan kepada JKTNg dan MTNg.

5.1.4 Kekerapan Mesyuarat

JKTD/JKTB hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya sebulan sekali.

PANDUAN UMUM

Pengurusan Mesyuarat

1. Bagi memastikan keberkesanan tadbir urus pelaksanaan sesuatu keputusan mesyuarat, urus setia hendaklah merujuk kepada Pekeliling Transformasi Pentadbiran Awam Bil.2 Tahun 2018 'MyMesyuarat: Ekosistem Pengurusan Mesyuarat Era Digital'. Panduan ini memfokuskan elemen utama seperti tanggungjawab urus setia mesyuarat, format minit mesyuarat dan panduan penggunaan Sistem MyMesyuarat.
2. Bagi urusan mesyuarat yang melibatkan dokumen terperingkat, agensi Kerajaan hendaklah mematuhi tatacara pengurusan dokumen terperingkat seperti yang berikut:
 - i. Akta Rahsia Rasmi 1972 (Pindaan) 1986; dan
 - ii. Arahan Keselamatan.

Mesyuarat Majlis/Jawatankuasa

1. Ahli Majlis/Jawatankuasa hendaklah dilantik secara rasmi oleh Pengerusi.
2. Pengerusi Majlis/Jawatankuasa boleh menentukan:
 - i. taraf wakil bagi ahli-ahli tetap; dan
 - ii. pegawai/individu yang akan dijemput sebagai turut hadir.
3. Anggota Pentadbiran bertaraf Menteri/Menteri Besar/Ketua Menteri boleh melantik wakil tetap beliau ke mesyuarat jentera-jentera penyelarasan pelaksanaan di peringkat negeri dan daerah.
4. Mesyuarat Majlis/Jawatankuasa hendaklah diatur oleh urus setia mengikut takwim mesyuarat yang ditetapkan.
5. Mesyuarat Majlis/Jawatankuasa hendaklah memberi tumpuan kepada fungsi-fungsi yang ditetapkan.
6. Mesyuarat majlis di peringkat persekutuan/negeri hendaklah menumpukan perkara-perkara berkaitan pelaksanaan program/projek pembangunan yang memerlukan keputusan dasar.
7. Jawatankuasa teknikal/khas boleh ditubuhkan oleh Pengerusi Arahan No.1 bagi menyelesaikan sesuatu isu.
8. ICU JPM boleh mewujudkan jawatankuasa atau pasukan petugas peringkat pegawai bagi melaksanakan tugas penyelarasan antara agensi/negeri.

9. Urus setia MTN/MTWP dan JKTN/JTWP hendaklah menjemput wakil dari Jabatan Audit Negara manakala urus setia MTNg/JKTNg hendaklah menjemput wakil dari Jabatan Audit Negeri sebagai ahli jemputan bagi membolehkan khidmat nasihat diberikan khususnya dalam tatacara pengurusan projek, kewangan dan perolehan.
10. Bagi negeri-negeri yang ditadbir oleh parti yang sama dengan Kerajaan Persekutuan, MTNg akan dipengerusikan oleh YAB Menteri Besar / Ketua Menteri. Bagi negeri-negeri yang tidak ditadbir oleh parti yang sama dengan Kerajaan Persekutuan, MTNg akan dipengerusikan oleh YB Menteri Kerajaan Persekutuan yang dilantik oleh YAB Perdana Menteri. Timbalan Pengerusi MTNg bagi negeri-negeri yang tidak ditadbir oleh parti yang sama dengan Kerajaan Persekutuan ialah Ketua Pengarah ICU JPM atau mana-mana individu yang dilantik oleh YB Menteri Kerajaan Persekutuan selaku Pengerusi MTNg.
11. Bagi negeri-negeri yang ditadbir oleh parti yang sama dengan Kerajaan Persekutuan, JKTD akan dipengerusikan oleh Pegawai Daerah dan diurussetiakan oleh Pejabat Daerah.
12. Negeri-negeri yang tidak ditadbir oleh parti yang sama dengan Kerajaan Persekutuan, JKTD akan dipengerusikan oleh Pengarah Pembangunan Negeri manakala Pegawai Daerah sebagai ahli mesyuarat dan diurussetiakan oleh PPN.
13. Urus setia hendaklah menjemput Ahli Parlimen dan ADUN daripada parti yang sama dengan Kerajaan Persekutuan sahaja bagi Mesyuarat JKTD dan JKTB. Sekiranya Ahli Parlimen dan ADUN tidak dapat hadir, wakil dibenarkan untuk menghadiri Mesyuarat JKTD dan JKTB.

Takwim Mesyuarat

1. Mesyuarat Majlis/Jawatankuasa di peringkat negeri dan daerah hendaklah dirancang dengan teliti dan seboleh-bolehnya tidak diadakan semasa Persidangan Parlimen dan Dewan Undangan Negeri berlangsung.
2. Takwim mesyuarat sepanjang tahun hendaklah dirancang sebelum bulan Januari tahun berkenaan dan diedarkan kepada semua ahli mesyuarat untuk perhatian.
3. Sekiranya mesyuarat tidak dapat diadakan pada tarikh yang ditetapkan, urus setia hendaklah mendapatkan tarikh ganti dari Pengerusi/Timbalan Pengerusi supaya agenda mesyuarat yang dijadualkan masih dapat dibincangkan.

Agenda Mesyuarat

1. Urus setia hendaklah menyediakan cadangan agenda berdasarkan fungsi-fungsi yang ditetapkan dan dikemukakan kepada Pengerusi untuk persetujuan. Agenda hendaklah diasaskan kepada isu-isu semasa dan dimaklumkan kepada kementerian/jabatan/agensi sekurang-kurangnya dua minggu sebelum mesyuarat diadakan supaya kertas/laporan yang komprehensif dapat disediakan.
2. Urus setia berhak meminta kementerian/jabatan/agensi untuk menyediakan kertas/laporan di luar tempoh yang ditetapkan.
3. Antara perkara-perkara yang boleh dijadikan agenda adalah:
 - i. pembentangan kertas/laporan berkenaan prestasi dan penilaian *outcome* program/projek berdasarkan:
 - a. RMLT – contohnya program/projek latihan dan peningkatan kemahiran dan keberkesanan kaedah pelaksanaan projek;
 - b. pelaksanaan Program Kesejahteraan Rakyat dengan tumpuan kepada isi rumah berpendapatan 40% terendah, contohnya program/projek bagi meningkatkan pendapatan dan tanggungjawab sosial korporat dalam menyediakan peluang pekerjaan; dan
 - c. prestasi kewangan dan aktiviti-aktiviti program/projek fizikal dan bukan fizikal yang terlibat.
 - ii. Pembentangan taklimat berdasarkan:
 - a. kementerian/jabatan;
 - b. badan berkanun/agensi yang telah diswastakan;
 - c. program/projek yang bermasalah; dan
 - d. isu-isu yang merentas tugas dan tanggungjawab beberapa kementerian dan agensi.

Taklimat yang disampaikan antara lain hendaklah memberi fokus kepada kejayaan pelaksanaan sesuatu program/projek yang boleh dijadikan panduan oleh agensi, isu dan masalah pelaksanaan dan cadangan langkah-langkah penyelesaian.
 - iii. Lawatan ke tapak projek bersama Ahli-ahli Majlis/Jawatankuasa boleh diaturkan secara berjadual atau sebagai susulan kepada keputusan mesyuarat.

Format Kertas Pembentangan

1. Kementerian/jabatan/agensi boleh menggunakan format seperti di **Lampiran B** bagi melaporkan perkara/isu/masalah tertentu kepada Majlis/Jawatankuasa.
2. Ringkasan Eksekutif hendaklah disediakan bagi setiap kertas/laporan/slaid pembentangan. Hanya isi-isi penting sahaja dinyatakan dengan ringkas dan tidak melebihi lima muka surat.

Maklum Balas Keputusan Mesyuarat

1. Ahli Majlis/Jawatankuasa atau mana-mana pihak lain yang diberi tanggungjawab melaksanakan sesuatu keputusan mesyuarat hendaklah mengemukakan laporan maklum balas pelaksanaan keputusan mesyuarat kepada urus setia Majlis/Jawatankuasa tidak lewat dari 14 hari bekerja selepas minit mesyuarat diedarkan.
2. Sekiranya pihak yang bertanggungjawab melaksanakan sesuatu keputusan merupakan pihak yang bukan ahli Majlis/Jawatankuasa, urus setia hendaklah menghantar keratan minit mesyuarat kepada pihak berkenaan. Pihak berkenaan hendaklah diminta mengemukakan laporan maklum balas pelaksanaan keputusan mesyuarat kepada urus setia Majlis/Jawatankuasa tidak lewat dari 14 hari bekerja selepas keratan minit mesyuarat diedarkan.
3. Urus setia adalah bertanggungjawab memantau pelaksanaan keputusan mesyuarat dan melaporkannya kepada Majlis/Jawatankuasa.

LAMPIRAN A

TATACARA KERJA DAN HUBUNGAN KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI DENGAN UNIT PENYELARASAN PELAKSANAAN, JABATAN PERDANA MENTERI

1. Tujuan

- 1.1 Tatakara ini bertujuan untuk menghuraikan fungsi dan hubungan ICU JPM dengan kementerian/jabatan/agensi

2. Fungsi

- 2.1 Arahan No. 1, 2018 Jentera Penyelarasan Pelaksanaan menetapkan fungsi ICU JPM selaku urus setia MTN dan JKTN. Kaedah yang diguna pakai untuk penyelarasan dan pengawasan adalah seperti berikut:

- (i) bertindak sebagai jentera penyelarasan pelaksanaan di semua peringkat persekutuan dan negeri;
- (ii) memantau, menyelaras dan menilai prestasi pelaksanaan dasar dan program/projek mengikut jadual dan sumber sebagaimana ditetapkan;
- (iii) memantau, menyelaras dan menilai dasar dan program/projek yang berfokuskan kepada:
 - (a) pengagihan yang seimbang;
 - (b) peningkatan pendapatan;
- (iv) mengesan isu dan masalah pelaksanaan rancangan pembangunan serta mengambil tindakan intervensi bagi mengatasinya;
- (v) menilai keberkesanan pelaksanaan dasar, strategi dan program/projek pembangunan; dan
- (vi) memastikan SPPII dan eKasih digunakan sepenuhnya oleh kementerian/jabatan/agensi.

3. Huraian Fungsi

- 3.1 Bertindak sebagai jentera penyelarasan pelaksanaan di semua peringkat persekutuan dan negeri:

- (i) memastikan takwim mesyuarat MTN dan JKTN dipatuhi;
- (ii) membuat susulan ke atas keputusan MTN dan JKTN;
- (iii) meminta mana-mana kementerian/jabatan/agensi untuk memberi taklimat kepada MTN dan JKTN atau ICU JPM;
- (iv) mendapatkan laporan/penjelasan mengenai isu tertentu daripada kementerian/jabatan/agensi;
- (v) mengadakan lawatan projek secara berkala/mengejut; dan
- (vi) ICU JPM boleh mencadangkan dasar atau prosedur yang berkaitan dengan pelaksanaan projek dari semasa ke semasa bertujuan untuk mempercepatkan dan meningkatkan prestasi pelaksanaan projek.

3.2 Memantau, menyelaras dan menilai prestasi pelaksanaan program/projek mengikut jadual dan sumber sebagaimana yang ditetapkan:

- (i) mendapatkan data/maklumat/laporan/laporan bergambar mengenai prestasi pelaksanaan program/projek;
- (ii) menyedia dan membentangkan laporan berkaitan prestasi program/projek dari semasa ke semasa;
- (iii) mengambil tindakan susulan terhadap isu/masalah pelaksanaan program/projek; dan
- (iv) menghadiri mana-mana mesyuarat/taklimat/lawatan yang berkaitan dengan sesuatu projek (jika perlu).

3.3 Memantau, menyelaras dan menilai dasar dan program/projek yang berkaitan dengan peningkatan pendapatan dan pengagihan yang seimbang:

- (i) mendapatkan maklumat daripada kementerian/jabatan/agensi berkaitan pengagihan yang seimbang;
- (ii) menyelaras pangkalan data berkenaan pembasmian kemiskinan;
- (iii) memantau, menilai dan menganalisis program peningkatan pendapatan yang seimbang;
- (iv) mencadangkan program/projek yang dapat meningkatkan pendapatan yang sesuai; dan

- (v) menyelaraskan program/projek peningkatan pendapatan yang seimbang antara agensi.
- 3.4 Mengesan isu/masalah pelaksanaan rancangan pembangunan serta mengambil tindakan intervensi bagi mengatasinya:
- (i) mengenal pasti halangan yang menjejaskan pelaksanaan program/projek;
 - (ii) mendapatkan taklimat khusus dan cadangan penyelesaian daripada kementerian/jabatan/agensi berkenaan; dan
 - (iii) mengambil tindakan intervensi terhadap isu/masalah yang dikenal pasti.
- 3.5 Menilai keberkesanan pelaksanaan dasar, strategi dan program/projek pembangunan:
- (i) menilai pencapaian matlamat program/projek pembangunan selaras dengan dasar;
 - (ii) memperakukan cadangan perubahan dan penyesuaian ke atas pelaksanaan dasar, strategi dan program/projek pembangunan kepada MTN/JKTN;
 - (iii) memastikan pelaksanaan program/projek pembangunan berada di landasan yang ditetapkan; dan
 - (iv) menyelaraskan pelaksanaan dasar, strategi dan program/projek yang melibatkan pelbagai agensi.
- 3.6 Memastikan SPPII dan eKasih digunakan sepenuhnya oleh kementerian/jabatan/agensi:
- (i) memastikan kementerian/jabatan/agensi mengemaskini maklumat secara berterusan dalam SPPII dan eKasih; dan
 - (ii) memberikan khidmat sokongan kepada kementerian/jabatan/agensi supaya sistem dapat berjalan lancar.

Contoh Format

**LAPORAN PROJEK BERMASALAH
NAMA KEMENTERIAN
NAMA PROJEK**

1. TUJUAN LAPORAN

[Nyatakan tujuan laporan].

2. LATAR BELAKANG

[Nyatakan latar belakang projek seperti tujuan/objektif projek, skop projek dan maklumat-maklumat asas lain mengenai projek].

3. ISU/MASALAH PELAKSANAAN PROJEK

[Nyatakan masalah-masalah utama pelaksanaan projek yang menyebabkan projek lewat daripada jadual secara terperinci. Nyatakan juga jika masalah-masalah tersebut berkaitan dengan tanggungjawab atau bidang kuasa kementerian/jabatan/negeri/Wilayah Persekutuan yang lain].

4. TINDAKAN YANG TELAH DIAMBIL OLEH KEMENTERIAN UNTUK MENYELESAIKAN MASALAH

[Nyatakan tindakan-tindakan yang telah diambil oleh kementerian bagi mengatasi/menyelesaikan masalah yang dihadapi di para 3. Jika masalah tersebut berkaitan dengan tanggungjawab atau bidang kuasa kementerian/jabatan/negeri/Wilayah Persekutuan yang lain, nyatakan bentuk kerjasama yang telah diberikan bagi menyelesaikan masalah tersebut].

5. IMPLIKASI KELEWATAN PELAKSANAAN PROJEK

[Nyatakan implikasi/kesan akibat daripada kelewatan pelaksanaan projek dari segi kewangan, objektif projek, faedah kepada rakyat dan kesan-kesan lain yang berkaitan].

6. CADANGAN DARIPADA KEMENTERIAN UNTUK MENYELESAIKAN MASALAH

[Berikan cadangan/alternatif untuk menyelesaikan masalah].

7. PERKARA-PERKARA DASAR YANG PERLU DIPUTUSKAN

8. PENUTUP